

18

Commonwealth
Tertiary Education
Facility (CTEF)
Dialogue 2025:
Penguatan
Kerjasama
Pendidikan Tinggi
Komanwel

26

Melakar 55 Tahun
Kecemerlangan
Pendidikan Jarak
Jauh

35

Mendidik Jurutera
Demi Masa Depan
yang Lebih Selamat:
Pengajaran,
Penyelidikan dan
Inovasi dalam
Mitigasi Bencana
Gempa Bumi

36

Dari Komuniti
ke Peringkat
Kebangsaan: Modul
Penjagaan Gigi Si
Cilik "Senyuman
Menawan"
PPSG USM Raih
Pengiktirafan

51

Program *Back to
Basic* Meningkatkan
Kompetensi
Jururawat PKTAAB
Sumber

Jilid 10

KOLEKSI KHAS FEBRUARI 2026

Kami Memimpin | www.usm.my

TRANSMISI

KISAH KEJAYAAN/PENCAPAIAN BERIMPAK TINGGI

*Jalur cahaya kenderaan yang merentasi jalan di hadapan Dewan Tuanku Syed Putra mencipta panorama malam yang memukau, melambangkan perjalanan ilmu dan aspirasi warga Universiti Sains Malaysia.

Transmisi@MPRC-USM

"Transmisi" adalah *platform* yang menyampaikan maklumat terpilih, ekosistem nilai, wawasan, dan aspirasi Universiti Sains Malaysia (USM) kepada komuniti yang lebih luas. Ia mengintegrasikan sumbangan naratif dari Pusat Tanggungjawab dan Pusat Kecemerlangan USM, bertindak sebagai sumber utama maklumat untuk media tempatan dan antarabangsa, serta meningkatkan profil kenampakan USM dalam kalangan pembaca. *Platform* ini mencerminkan kesinambungan legasi berimpak tinggi dan memperkayakan naratif kejayaan serta pencapaian USM, memastikan nilai Universiti dihargai dan dirasai, sambil memupuk identiti bersama yang kukuh dan lestari dalam konteks akademik.



Forum Akademik Commonwealth Tertiary Education Facility (CTEF) 2025: Memperkasa Pendidikan Tinggi Global Selatan Melalui Kerjasama Strategik

Sumber Naratif 1. Sri Jeyanthirar Subramaniam 2. Prof. Madya Dr. Thien Lei Mee

Forum Akademik CTEF 2025 yang dianjurkan oleh **Commonwealth Tertiary Education Facility (CTEF)** dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dan Universiti Sains Malaysia (USM), telah berjaya menghimpunkan hampir 200 peserta tempatan dan antarabangsa pada 26 Jun 2025 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Forum ini berperanan sebagai platform strategik bagi menilai pencapaian, cabaran serta hala tuju pembangunan pendidikan tinggi dalam konteks Global Selatan dan kerjasama Selatan–Selatan. Majlis perasmian forum telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian.

Antara hasil utama forum ialah pengukuhan kesepakatan bahawa kerjasama pendidikan tinggi di Global Selatan perlu melangkaui pendekatan tradisional yang bersifat simbolik. Perbincangan panel menegaskan keperluan membina rangkaian kerjasama yang berteraskan kerelevanan tempatan, pemerkasaan institusi dan prinsip saling menghormati. Ini termasuk usaha memperkasa pembangunan kurikulum secara bersama, penggubalan agenda penyelidikan kolaboratif serta pelaksanaan inisiatif pembinaan kapasiti yang responsif terhadap keupayaan dan keperluan institusi rakan.



- **Jumlah peserta hampir 200 peserta tempatan dan antarabangsa.**
- **5 tokoh akademik terkemuka dari Afrika, Australia, India, Korea Selatan dan Hong Kong.**
- **Dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT.**



Ucapan Perasmian oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian.

Panel turut memperjelaskan cabaran utama yang dihadapi institusi pendidikan tinggi di Global Selatan, antaranya kekangan kapasiti institusi, ketidakseimbangan akses, kekakuan peraturan serta strategi pengantarabangsaan yang tidak seimbang. Sehubungan itu, keperluan sokongan yang lebih tersasar dan berfokus terhadap pembangunan institusi dikenal pasti sebagai prasyarat penting bagi memastikan kerjasama pendidikan tinggi dapat menjana impak yang mampan dan saksama.

Perbincangan forum yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), khususnya:



Penyampaian Cenderamata CTEF kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian oleh Pengarah CTEF, YBrs. Profesor Madya Dr. Thien Lei Mee

Forum ini juga memberi perhatian khusus kepada peranan pendidikan transnasional (TNE) sebagai pemangkin kepada peluasan akses pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, perbincangan menegaskan bahawa peluasan TNE perlu disokong oleh mekanisme jaminan kualiti yang kukuh, termasuk pengawasan yang telus, pemeliharaan integriti akademik serta keselarasan budaya dan pedagogi. Inovasi digital turut dikenal pasti sebagai elemen penting dalam memperluas akses, khususnya di kawasan kurang mendapat perkhidmatan, dengan syarat pelaburan yang mencukupi dalam infrastruktur dan pembangunan kandungan setempat. Dalam konteks ini, suara pelajar dan ahli akademik institusi tuan rumah ditekankan sebagai komponen teras dalam membentuk penawaran TNE yang bermakna dan berdaya memperkasa.

INSTITUT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

Satu lagi penegasan penting forum ialah keperluan memperkukuh ekosistem akademik tempatan di Global Selatan melalui pelaburan berterusan dalam platform penjaan dan penyebaran ilmu yang berteraskan realiti setempat. Perbincangan panel menggariskan kepentingan membangunkan saluran penerbitan serantau serta mentakrif semula konsep kecemerlangan akademik melalui pendekatan yang lebih holistik. Pendekatan ini mengambil kira impak sosial, kerelevanan budaya dan nilai etika, sejajar dengan kerangka seperti Kerangka Akademik Sejahtera yang bersifat kontekstual dan menyeluruh.

Forum turut mencapai kesepakatan bahawa kerjasama antarabangsa perlu ditransformasikan dengan beralih daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang bersifat formaliti kepada perkongsian atau kerjasama yang bermakna, saling menguntungkan dan berjangka panjang. Dalam hal ini, pemanfaatan platform serantau seperti ASEAN, Kesatuan Afrika serta mekanisme kerjasama Selatan-Selatan dikenal pasti sebagai langkah strategik bagi membentuk landskap pendidikan tinggi global yang lebih inklusif, saksama dan berteraskan konteks.

Secara keseluruhan, Forum Akademik CTEF 2025 telah berjaya memperkukuh komitmen bersama ke arah pembangunan pendidikan tinggi di Global Selatan yang berlandaskan prinsip kesaksamaan, kelestarian dan kerjasama strategik, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan, khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat).



Sesi 1: Pembangunan Pendidikan Tinggi Global Selatan – Jaringan Komanwel dan Penyedia Pendidikan Transnasional



Sesi 2: Pembangunan Pendidikan Tinggi Global Selatan – Mendefinisikan Semula Kebergantungan dan Kerjasama dengan Global Utara



Setiasaha Bahagian (SUB), Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBhg. Datin Noorazah Omar (keenam dari kiri) bersama Pengarah CTEF, YBrs. Profesor Madya Dr. Thein Lei Mee (kanan SUB), Pengarah Bahagian Kecermelangan Akademik (BKA), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), KPT, YBrs. Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden (kiri SUB) dan barisan panel forum



Fokus Strategik Forum

1. Pembangunan pendidikan tinggi dalam persekitaran kekangan sumber.
2. Pendekatan inovatif dan mampan dalam pembiayaan dan tadbir urus.
3. Memperluas akses saksama kepada pendidikan tinggi berkualiti.
4. Memperkukuh kerjasama berasaskan penyelidikan, dasar dan amalan terbaik.
5. Kerjasama jangka panjang yang berteraskan kesaksamaan, kelestarian dan manfaat bersama.



Gambar keseluruhan bersama dif-dif kehormat, panel-panel jemputan dan para peserta